

**Project:** AKU TERIMA NESCAFÉnya CAMPAIGN 2023.  
**Campaign Period:** Feb 2023 – 31 Dec 2023

### Soalan Lazim

**S1: Bagaimanakah saya boleh memohon program/pengaktifan?**

J: Program ini terbuka kepada semua pasangan Malaysia yang bakal berkahwin yang akan melangsungkan perkahwinan mereka pada tahun 2023.

**Langkah 1:** Log masuk ke laman media sosial NESCAFÉ MALAYSIA untuk maklumat mengenai Kempen AKU TERIMA NESCAFÉnya

**Langkah 2:** Siarkan post umum anda dengan pasangan bagi detik AKU TERIMA NESCAFÉnya (dengan Produk NESCAFÉ) untuk dilihat oleh pasukan NESCAFÉ, dan salin URL post anda.

**Langkah 3:** Daftar permohonan AKU TERIMA NESCAFÉnya anda pada borang web dalam talian di: <https://www.nescafe.com/my/our-campaigns/aku-terima-nescafe-nya>

**Langkah 4:** Isikan butiran yang diperlukan, Nama, IC, alamat e-mel, Lokasi perkahwinan, Bilangan tetamu jemputan, Muat naik foto Jemputan Perkahwinan anda, muat naik gambar jelas tempat letak kereta (minima; 2 ruang letak kereta sebelah-menyebelah) untuk TRAK NESCAFÉ (pastikan ia berdekatan dengan acara perkahwinan).

**Langkah 5:** NESCAFÉ akan balas dengan pengesahan dalam masa 14 hari dari penyerahan. **NOTA: Pastikan kesemua bahagian telah lengkap diisi untuk layak.**

Sila buat permintaan/permohonan anda 2 bulan dari tarikh resepsi perkahwinan anda yang sebenar.

**S2: Apakah proses kelulusan permohonan**

J: Semua kriteria yang diperlukan daripada penganjur dipenuhi dan tertakluk kepada ketersediaan trak kerana terdapat banyak acara-acara pengaktifan yang sedang dijalankan.

**S3: Bagaimanakah penganjur akan menghubungi pengguna berkenaan dengan status kelulusan?**

J: Pihak Penganjur akan menghantar e-mel status permohonan daripada [XXXXXX@omniteam.com.my](mailto:XXXXXX@omniteam.com.my) kepada pemohon.

**S4: Apakah tempoh perkhidmatan TRAK NESCAFÉ pada hari acara perkahwinan?**

J: Trak NESCAFÉ akan tiba di tempat pada hari 1 jam sebelum permulaan perkahwinan & akan berada di tempat untuk maksima, 4 jam. Sekiranya minuman kehabisan stok sebelum 4 jam yang ditetapkan, perkhidmatan pensampelan akan ditamatkan dan Trak akan terus meninggalkan tempat acara.

**S5: Apa yang akan dihidangkan dari trak pada hari acara?**

J: Barista NESCAFÉ hanya akan menghidangkan NESCAFÉ CLASSIC dengan COFFEEMATE, sejuk.

**S6: Bolehkah saya membeli produk NESCAFÉ semasa hari acara?**

J: Tidak.

**S7: Adakah kempen ini hanya terbuka kepada perkahwinan orang Melayu sahaja?**

**J:** Tidak, kempen ini terbuka kepada semua Perkahwinan Warga Malaysia (dengan kewarganegaraan Malaysia yang sah).

**S8: Bagaimana jika saya perlu menangguhkan perkahwinan saya?**

**J:** NESCAFÉ amat menghargai jika notis diberikan sekurang-kurangnya seminggu sebelum penangguhan dan kami akan melakukan yang terbaik untuk mengaturnya pada tarikh yang disemak, namun ini tertakluk kepada ketersediaan Trak. Semua keputusan akan dibuat mengikut budi bicara NESCAFÉ MALAYSIA.

**S9: Adakah Trak akan berada di majlis tersebut jika banjir atau cuaca buruk?**

**J:** Tidak, untuk memastikan keselamatan & kesejahteraan Pekerja Nestlé kami, kami tidak akan meneruskan sekiranya berlaku banjir atau cuaca buruk.

**S10: Apakah hari terakhir permohonan?**

**J:** Permohonan anda untuk tarikh acara sebenar hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 31 Dis 2023. Tarikh yang jatuh selepas 31 Disember 2023 tidak akan dilayan.

**S11: Di manakah kita boleh mendapatkan maklumat mengenai kempen tersebut?**

**J:** Sila rujuk di laman web NESCAFÉ Malaysia di <https://www.nescafe.com/my/our-campaigns/aku-terima-nescafe-nya>

**S12: Apakah talian khidmat pengguna untuk kempen ini?**

**J:** Anda boleh menghubungi talian khidmat pengguna Nestlé @1800-88-3433 untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang kempen tersebut.